

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TAN SRI DR. MUHAMMAD LEO**  
**MICHAEL TOYAD ABDULLAH**  
**KAWASAN** : **MUKAH**  
**TARIKH** : **6 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **21**

**SOALAN**

**TAN SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan sebagai langkah untuk meningkatkan jumlah pengeluaran industri automotif (TPV) bagi kegunaan domestik dan eksport serta sejauh manakah langkah kerjasama Kementerian dalam meningkatkan tahap kesedaran dan penerimaan secara holistik ke atas kenderaan cekap tenaga (EEV).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2017, pengeluaran tahunan kenderaan atau *total production volume* (TPV) adalah sebanyak 499,636 unit berbanding 545,253 pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 299,850 (60%) unit kenderaan adalah berstatus EEV berbanding 248,913 (45.7%) pada tahun 2016.

- 41
2. Kerajaan telah merangka pelbagai strategi untuk memastikan prestasi industri automotif tempatan terus berdaya saing bagi tahun 2018. Ini termasuk:
    - i. meneruskan pemberian insentif pengurangan jumlah duti eksais kepada syarikat-syarikat pengeluar kereta yang terlibat dalam aktiviti nilai tambah untuk meningkatkan komponen tempatan automotif (*localisation*). Ini membolehkan syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan yang mengguna pakai komponen tempatan mengurangkan kos pemasangan dan pengeluaran kenderaan di samping menggalakkan pertumbuhan industri komponen dan alat ganti tempatan;
    - ii. menggalakkan penggunaan fasiliti Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi mendapatkan akses pasaran bebas cukai yang lebih besar kepada produk-produk automotif tempatan bagi memasuki pasaran antarabangsa, seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (ATIGA), Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan FTA dua hala dengan negara-negara seperti Jepun, India, Pakistan, Australia, Chile, New Zealand dan Turki. Dalam hal ini, syarikat-syarikat automotif tempatan digalakkan untuk merebut peluang ini untuk meneroka potensi eksport yang lebih meluas;
    - iii. pelaksanaan pelbagai aktiviti bina upaya oleh *Malaysia Automotive Institute* (MAI) bagi meningkatkan daya saing industri automotif tempatan. Ini termasuk 10 program bagi tujuan pembangunan modal insan dan peningkatan daya saing sektor perkilangan dan lepas jualan (*after market*); dan

iv. menitikberatkan pembangunan aktiviti selepas jualan melalui Pembangunan Rangka Kerja Kemudahan Rawatan Kenderaan Lupus Berlesen (*Authorized Treatment Facilities - ATF*) dan juga Pelan Hala Tuju Sektor Pembuatan Semula (*Remanufacturing*). Kedua-dua pelan hala tuju ini telah menggariskan panduan dalam mentransformasikan aktiviti-aktiviti selepas jualan dalam usaha membangunkan industri automotif hijau yang lebih mampan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Usaha-usaha Kerajaan untuk memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan kenderaan EEV telah bermula sejak tahun 2010 apabila Kerajaan melaksanakan kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) 2009 yang mana Kerajaan membenarkan pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi segmen kenderaan terpilih, termasuk kenderaan hibrid dan elektrik.
4. Usaha-usaha untuk menggalakkan penggunaan dan pemasangan kenderaan EEV ini telah diteruskan di bawah NAP 2014 di mana langkah-langkah berikut telah digariskan:
  - i. pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi kenderaan dalam kategori EEV bagi semua segmen kenderaan tanpa sebarang sekatan kapasiti enjin atau harga atas jalan;
  - ii. pemberian insentif *customised* bagi menarik lagi pelaburan strategik dalam kategori kenderaan EEV dan pengeluaran komponen bernilai tambah tinggi dan kritikal bagi menyokong kenderaan EEV; dan

iii. pemberian insentif *customised* bagi membangunkan sektor strategik supaya ekosistem automotif dapat dipertingkatkan. Antara sektor strategik adalah enjin, transmisi dan sistem kawalan, set dai dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous*.

Sekian, terima kasih.